

**ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN TERHADAP
PESALAH JENAYAH SYARIAH: KAJIAN DI JABATAN PENJARA MALAYSIA**

***ISSUES AND CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF REHABILITATION
PROGRAMS FOR SHARIAH OFFENDERS: A STUDY IN THE MALAYSIAN PRISON
DEPARTMENT***

^{i*} Hasnizam Hashim (P.hD), ⁱⁱ Wan Abdul Fattah Wan Ismail (Professor, P.hD), ⁱⁱⁱ Ahmad Syukran Baharuddin (P.hD), ^{iv} Lukman Abdul Mutalib (P.hD), ^v Zulfaqar Mamat (P.hD), ^{vi} Baidar Mohammed Mohammed Hassan (P.hD), ^{vii} Norma Jusof (P.hD) & ^{viii} Mohamad Aniq Aiman Alias

^{i ii iii iv v vi} Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan

^{i ii iii iv v viii} Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan
^{vii} Kementerian Pendidikan Malaysia

^{viii} Fakulti Pengajian Islam, University College Bestari, Terengganu

*(Corresponding Author) e-mail: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

The Malaysian Prison Department (JPM) is part of the institutions under the criminal justice system, playing a role in enforcing punishments and executing court orders, both civil and Sharia, on criminal offenders until their release. JPM is not only a place to punish those who commit offenses but is more inclined towards being a correctional institution responsible for rehabilitating, guiding, and educating offenders to become disciplined and responsible individuals upon their release. The implementation of rehabilitation for both civil and Sharia offenders in the Malaysian Prison Department aims to restore offenders to a positive mindset and instill moral values, allowing them to reintegrate into society as normal individuals upon release. However, the implementation of prison sentences for Sharia offenders often sparks controversy and debate among various parties regarding the extent to which the rehabilitation goals can be achieved through such imprisonment. Therefore, this qualitative research aims to analyze the issues and challenges hindering the implementation of existing rehabilitation programs in the Malaysian Prison Department for Sharia offenders sentenced to imprisonment. The research findings indicate that Sharia crime offenders are religious offenders, and suitable rehabilitation programs need to be developed.

Keywords: *Issues and Challenges, Rehabilitation Programs, Sharia Offenders, Malaysian Prison Department*

ABSTRAK

Jabatan Penjara Malaysia (JPM) adalah merupakan sebahagian daripada institusi di bawah sistem keadilan jenayah (*criminal justice system*) yang berperanan untuk menguatkuasakan hukuman dan melaksanakan perintah mahkamah baik sivil mahupun syariah ke atas pesalah jenayah sehinggalah mereka dibebaskan. JPM bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi koreksional yang bertanggung jawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka dibebaskan. Pelaksanaan pemulihan pesalah sama ada pesalah sivil atau syariah di Jabatan Penjara Malaysia meletakkan objektifnya untuk memulihkan pesalah supaya bersikap positif dan memiliki nilai murni agar dapat kembali ke pangkuan masyarakat apabila dibebaskan sebagai individu yang normal. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman penjara ke atas pesalah syariah sering kali menimbulkan polemik dan perdebatan di kalangan pelbagai pihak mengenai sejauh mana matlamat pemulihan dapat dicapai daripada hukuman pemenjaraan tersebut. Justeru, penulisan yang menggunakan metod kualitatif ini akan menganalisis isu dan permasalahan yang membelenggu pelaksanaan program pemulihan sedia ada di Jabatan Penjara Malaysia terhadap pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pesalah jenayah syariah adalah merupakan pesalah agama dan program pemulihan yang bersesuaian perlu dibangunkan.

Kata Kunci: *Isu dan cabaran, program pemulihan, pesalah jenayah syariah, Jabatan Penjara Malaysia*

Pendahuluan

Apabila seseorang tertuduh di dalam suatu kes jenayah, baik sivil mahupun syariah mengaku salah atau didapati salah dan disabitkan dengan kesalahan (atau kesalahan-kesalahan) yang dia dipertuduhkan, Mahkamah akan menjatuhkan hukuman. Kebiasaannya peruntukan hukuman bagi sesuatu kesalahan menetapkan hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah; sama ada ia berupa hukuman denda atau penjara atau sebat atau gabungan daripada hukuman-hukuman tersebut. Di samping hukuman maksima, ada kesalahan yang membawa hukuman minima yang mesti dijatuhkan. Tidak kurang juga kesalahan yang mempunyai hukuman mandatori (Asmadi Bin Husin 2011). Bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah setiap mahkamah bergantung pada hierarki Mahkamah dan sistem keadilan jenayah di Mahkamah tersebut diletakkan (Kanun Keseksaan (Akta 574), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593), Akta Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah 1984 (Akta 355). Di Mahkamah Syariah, bidang kuasa menghukum bagi kes-kes jenayah di negeri-negeri di kawal oleh Akta Persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355). Akta 355 memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, atau penjara maksimum 3 tahun atau sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan. Berdasarkan Akta 355 ini, salah satu hukuman yang boleh jatuhkan ke atas pesalah jenayah syariah adalah hukuman berbentuk pemenjaraan. Bagi pesalah jenayah syariah, apabila Mahkamah Syariah telah menjatuhkan hukuman, maka langkah seterusnya ialah pelaksanaan hukuman tersebut. Bagi pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara, penahanan dan pemulihan akan dijalankan di bawah penjara sivil (Hasnizam Hashim et al. 2021).

Penjara pada masa kini sebenarnya bukan sahajamenjadi tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, agenda pemulihan pesalah jenayah termasuk pesalah jenayah syariah adalah merupakan agenda utama kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar jenayah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Malaysia melalui Pelan Hala Tuju Transformasi telah memberi penekanan terhadap kepentingan memperbaiki program pemulihan tidak hanya di dalam penjara bahkan turut melaksanakan pelbagai program pemulihan di luar penjara dalam usaha mempersiapkan pesalah jenayah agar dapat kembali semula ke pangkuan masyarakat apabila mereka dibebaskan sepenuhnya (Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, 2014).

Sebagaimana hukuman yang terdapat di bawah sistem pentadbiran sivil, hukuman yang terdapat di Mahkamah Syariah juga boleh dikategorikan kepada bersifat punitif dan juga pemulihan. Punitif bermaksud bahawa hukuman yang dikenakan itu adalah bersifat menghukum dan mendera pesalah sebagai balasan atas perbuatan jenayah yang dilakukan. Hukuman bersifat pemulihan pula tidak hanya menekankan aspek hukuman bahkan disertakan dengan tujuan bagi memulihkan pesalah tersebut. Di Mahkamah Syariah, hukuman yang diperuntukkan iaitu penjara, denda dan juga sebatan pada asasnya adalah bersifat punitif dan juga bersifat pemulihan. Hukuman pemenjaraan umpamanya bertujuan bukan hanya untuk menghukum pesalah bahkan adalah untuk memulihkan pesalah tersebut melalui program-program pemulihan yang dijalankan di penjara. Walau bagaimanapun, aspek punitif lebih ketara dalam penghukuman di mahkamah syariah berbanding aspek pemulihan terutamanya bagi hukuman yang melibatkan pemenjaraan. Kenyataan ini dibuat kerana hukuman pemenjaraan yang di jatuhkan kebanyakannya adalah singkat dan tidak memungkinkan pesalah menjalani program pemulihan di dalam penjara. Oleh yang demikian, penulisan ini akan melihat bentuk-bentuk program pemulihan di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia dan pada masa yang sama akan cuba menyingkap mengenai isu dan cabaran dalam pelaksanaan program pemulihan terhadap pesalah jenayah syariah yang dijatuhi hukuman penjara. Adalah diharapkan agar analisis dan perbincangan penulisan ini akan dapat sedikit sebanyak menambah baik kaedah pemulihan pesalah jenayah syariah yang dijatuhi hukuman penjara agar matlamat pemulihan pesalah jenayah syariah benar-benar dapat dicapai.

Pemulihan Pesalah Jenayah Syariah oleh Jabatan Penjara Malaysia

Pesalah Jenayah Syariah atau Pesalah Syarie ialah seseorang yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah kerana melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Jenayah Syariah atau Undang-Undang Syariah lain yang boleh dikenakan hukuman dalam bentuk penjara, denda, atau boleh dikenakan kedua-duanya serentak atau dikenakan hukuman sebat (Jamaluddin Saad, 2015). Pada ketika ini, pemulihan pesalah syarie dapat dilihat pelaksanaannya dalam dua tempat iaitu pemulihan di penjara dan pemulihan melalui hukuman alternatif (Hasnizam Hashim et al. 2022).

Bagi pelaksanaan hukuman penjara, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) adalah merupakan institusi terakhir dalam melaksanakan sistem keadilan jenayah negara '*Criminal Justice System*' dan bertanggungjawab kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN). Penjara adalah merupakan tempat untuk menahan seseorang yang telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah baik mahkamah sivil mahupun mahkamah syariah atas kesalahan jenayah atau penahanan seseorang yang sedang menunggu untuk perbicaraan (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia, 2015). Bagi yang telah dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah, mereka dikenali sebagai banduan. Banduan atau tahanan atau juga dikenali sebagai penghuni penjara ini diwajibkan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan pergerakan mereka adalah amat terkawal (Mohd Alif Jasni, 2021).

Dalam konsep kepenjaraan masa kini, penjara, selain merupakan tempat penahanan banduan, adalah juga merupakan tempat bagi banduan atau tahanan menjalani pelbagai aktiviti pemulihan sehinggalah tarikh mereka dibebaskan. Jabatan Penjara Malaysia memberi khidmat kepada masyarakat dengan menahan mereka yang dihukum oleh mahkamah bagi menjamin keselamatan awam dan pada masa yang sama membantu untuk memulihkan banduan atau tahanan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang berfaedah serta mematuhi undang-undang semasa dalam tahanan dan selepas dibebaskan (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia, 2015). Menurut Dato' Seri Haji Zulkifli bin Omar, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia, dalam memahami konsep kepenjaraan masa ini, penjara adalah tempat bagi mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai program pemulihan. Penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik insan pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat (Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, 2014).

Program pemulihan yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah turut merangkumi pesalah syariah dan pesalah jenayah sivil. Menurut TKPj Jamaludin Saad, pelaksanaan pemulihan pesalah samada pesalah sivil atau syariah di Jabatan Penjara Malaysia meletakkan objektifnya sebagai ‘memulihkan pesalah supaya bersikap positif dan memiliki nilai murni agar dapat kembali ke pangkuan masyarakat apabila dibebaskan sebagai individu yang normal (TKPj Jamaludin Saad 2015; KH Mohammad Jodi, 2018). Objektif ini memberikan penekanan yang tinggi terhadap keberkesanan pemulihan yang dilaksanakan terhadap pesalah. Kegagalan dalam proses pemulihan akan menyebabkan pesalah pulang kepada masyarakat dengan tabiat dan perlakuan asal yang akan memberi impak negatif terhadap kestabilan dan keharmonian sosial (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Program Pemulihan Pesalah Jenayah di bawah Kendalian Jabatan Penjara Malaysia

Program pemulihan banduan atau pesalah termasuk pesalah jenayah syariah di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia boleh di bahagikan kepada dua kategori iaitu Program Pemulihan dalam Penjara dan Program Pemulihan Luar Penjara (Program Pemasarakatan Banduan).

(a) Program Pemulihan Dalam Penjara

Di Jabatan Penjara Malaysia yang juga merupakan Peneraju Perkhidmatan Koreksional, bahagian yang bertanggungjawab dalam merencana dan melaksanakan program pemulihan terhadap pesalah atau banduan ialah Bahagian Pengurusan Banduan (Jabatan Penjara Malaysia, 2023). Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti rawatan dan pemulihan kepada pesalah bagi memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak, dan rohani berasaskan nilai murni dan seterusnya membentuk pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pesalah agar perubahan sikap yang positif terhasil dalam kalangan pesalah. Pesalah akan dididik dan diberi pendedahan serta latihan yang seimbang dalam aspek jasmani dan rohani bagi keperluan dunia dan akhirat melalui penerapan lima elemen teras pemulihan, iaitu:

K	:	Pengetahuan (Knowledge)
A	:	Sikap (Attitude)
S	:	Kemahiran (Skill)
I	:	Kecerdasan (Intelligence)
H	:	Kemanusiaan (Humanity)

Selaras dengan objektif ini, Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Pemulihan dan Rawatan, JPM telah melaksanakan program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) untuk pesalah yang ditempatkan di dalam penjara dan bagi mereka yang kemudiannya berkelayakan untuk memohon melakukan aktiviti Parol dan Kem Kemasyarakatan sebagai pemulihan di luar penjara. Di samping PPI, dalam usaha menerapkan nilai agama kepada pesalah, JPM telah membuka sekolah agama di dalam penjara yang pertama di dunia yang dibuka di Johor sebagai langkah percubaan (Jamaludin Saad, 2015). Pelaksanaan Program Pembangunan Insan (PPI) di Jabatan Penjara Malaysia mempunyai empat fasa iaitu (Hasnizam Hashim et al., 2018; Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan, t.t)

i- Fasa I: Orientasi Pendekatan Psikopendidikan.

Fasa I ialah fasa untuk pesalah mengikuti Modul Pendidikan dan Bimbingan. Fasa ini meliputi tempoh masa antara dua atau tiga bulan berdasarkan kriteria pesalah. Fasa ini menumpukan pada pembentukan kepatuhan disiplin dan peraturan, kenegaraan dan sivik, kesihatan dan kebersihan diri

ii- Fasa II: Fasa Pengukuhan Sahsiah.

Pada fasa ini, program pemulihan yang diwujudkan adalah sebagai rawatan utama (*core treatment*) dalam PPI. Program ini dilaksanakan dalam tempoh antara enam bulan hingga 12 bulan. Penekanan diberikan kepada aspek pembentukan jati diri dan perubahan tingkah laku.

iii- Fasa III: Fasa Kemahiran.

Fasa ini merupakan lanjutan kepada penghuni yang melepasi Fasa I dengan memperoleh PNGK 3.0 dan ke atas. Fasa ini bermatlamat untuk melahirkan penghuni yang berkemahiran dan diiktiraf. Penghuni yang berada pada fasa ini perlu mengikuti aktiviti pemulihan yang ditetapkan, iaitu dua jam seminggu. Fasa kemahiran ini tidak mempunyai tempoh yang tetap, bergantung pada bidang kemahiran yang diikuti oleh penghuni tersebut. Modul Kerohanian juga masih menjadi modul teras dalam fasa ini dan dilaksanakan kepada semua penghuni tanpa mengambil kira anutan agama mereka

iv- Fasa IV: Fasa Prabebas dan Integrasi Semula (*reintegration*).

Fasa ini merupakan fasa penghayatan. Penghuni dikehendaki menghayati apa yang telah dipelajari dan mengamalkannya semasa menjalani fasa ini. Objektif utama fasa ini adalah untuk menyediakan penghuni dalam menghadapi stigma sosial apabila mereka dibebaskan dan menggalakkan penyertaan awam dalam membantu proses asimilasi penghuni ke alam masyarakat. Di samping aktiviti utama, penghuni pada fasa ini juga didedahkan dengan program sampingan, seperti *we care* dan *community care*

(b) Program Pemulihan Luar Penjara

Program Pemulihan di luar penjara dikenali juga sebagai Program Pemulihan Pemasarakatan atau Program Pemasarakatan Banduan. Program ini adalah lanjutan daripada program pemulihan di dalam penjara (PPI) (Jabatan Penjara, KDN, 2015). Program Pemulihan Pemasarakatan atau Program Pemasarakatan Banduan membawa maksud aktiviti pemulihan banduan dilaksanakan di luar penjara bagi pesalah yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Program ini meliputi aktiviti pemulihan dan proses integrasi pesalah dalam masyarakat seperti melakukan khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan di kilang-kilang, sektor perladangan dan pertanian, kursus-kursus atau aktiviti-aktiviti lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Penjara. Program Pemulihan Pemasarakatan ini secara umumnya boleh melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) (TKPj Jamaludin Saad 2015). Program Pemulihan Luar Penjara atau Pemulihan Pemasarakatan bagi banduan terpilih yang menjalani sebahagian hukuman di dalam penjara dan sebahagiannya lagi di luar penjara adalah seperti Parol, Pusat Latihan Pemasarakatan (PULAP), Pembebasan Berlesen dan Rumah Perantaraan (*Halfway House*) (Hasnizam Hashim et al. 2021).

Kuasa Perundangan Negeri dalam konteks Pemenjaraan bagi kes Kesalahan Jenayah Syariah

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, hukuman penjara bukan hanya dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil, malah hukuman tersebut turut juga dilaksanakan di Mahkamah Syariah. Ada lebih daripada 60 kesalahan jenayah syariah di bawah Undang-undang kesalahan jenayah Syariah dan beberapa undang-undang lagi yang memperuntukkan hukuman penjara selain denda (Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia).

Praktis sedia ada menempatkan pesalah syariah bersama-sama banduan sivil di penjara yang sama. Penubuhan Penjara sebagai mana yang termaktub di bawah Perkara 2(b) Senarai Satu, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan kuasa Persekutuan dan bukannya negeri. Perkara 2(b) ini menjelaskan bahawa hanya Kerajaan Persekutuan yang mempunyai

kuasa untuk menubuh, mengurus, dan mengawal selia urusan penjara (Perlembagaan Persekutuan Malaysia). Untuk itu, agensi berkenaan iaitu, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) yang terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diberi tanggungjawab bagi menguruskan banduan termasuk banduan syariah. Banduan-banduan ini juga dikategorikan agar mereka dapat diuruskan dengan wajar. Pihak JPM bertanggungjawab untuk menyediakan program pemulihan sebagaimana dinyatakan dalam Piagam Pelanggan Penjara iaitu untuk menyediakan tempat kurungan yang selamat dan layanan yang berperikemanusiaan kepada banduan berlandaskan peruntukan undang-undang (Siti Zubaidah Ismail, 2013).


Kaedah Pemulihan Pesalah Syarie di Jabatan Penjara Malaysia

Walaupun bilangan pesalah syariah yang berada di penjara tidaklah seramai pesalah sivil, namun Jabatan Penjara Malaysia tetap mengambil tanggung jawab dan berusaha sebaik mungkin bagi melaksanakan konsep koreksional dan rehabilitasi tanpa mengira sama ada banduan tersebut adalah merupakan banduan sivil atau syariah (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Peringkat awal bagi pelaksanaan pemulihan, pihak pengurusan penjara terlebih dahulu akan mengasingkan para banduan berdasarkan tempoh pemenjaraan mereka (Siti Zubaidah Ismail, 2013). Banduan termasuk pesalah syarie yang dihukum penjara akan dikelompokkan secara berasingan dan identiti mereka ialah melalui warna baju yang dipakai. Selepas dikelaskan mengikut warna baju yang dipakai, banduan syariah akan dipisahkan daripada banduan sivil yang melakukan kesalahan berat. Pesalah Syariah juga sebagaimana pesalah sivil, akan menjalani Program PPI yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Program Pembangunan Insan (PPI) bagi Pesalah Syarie

Pemulihan Pesalah Syarie adalah di bawah Seksyen Agama, Bahagian Pemulihan dan Rawatan, Jabatan Penjara Malaysia. Program pemulihan yang diberikan kepada banduan Syariah adalah sama seperti banduan Sivil. Pesalah Syariah, sebagaimana pesalah sivil akan melalui program khusus JPM iaitu Program Pembangunan Insan (PPI). Rajah 1.0 di bawah menunjukkan kaedah/ program PPI yang akan dilalui oleh pesalah syariah sebagaimana pesalah sivil. PPI yang dilaksanakan oleh JPM ini mengandungi 4 fasa iaitu Fasa Orientasi/ Disiplin, Fasa Pengukuhan Sahsiah, Fasa Kemahiran dan Fasa Pemasarakatan (Pra Bebas). Keseluruhan Fasa ini akan mengambil tempoh selama 2 tahun bergantung pada kriteria pesalah.



Rajah 1.0 Carta Alir Proses Pemulihan Pesalah Syarie oleh Jabatan Penjara Malaysia

Pesalah Syarie adalah merupakan pesalah agama. Kurang ilmu agama, kurang penghayatan agama, jahil undang-undang dan hukuman, kurangnya penguatkuasaan dan tahap hukuman adalah merupakan antara faktor wujud pesalah Syarie. Oleh yang demikian, penyelesaian bagi pesalah syarie ini memerlukan penyelesaian secara dalaman dan luaran. Ini kerana, dalaman yang baik akan melahirkan kelakuan yang baik (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Penyelesaian secara luaran merangkumi disiplin, khidmat sosial dan majlis ilmu. Penyelesaian secara dalaman pula melibatkan Ilmu Agama, Kaunseling Agama, Akhlak dan Terapi Rohani. Ilmu agama merangkumi konsep ketuhanan, konsep Kerasulan (*Qudwah*), konsep kewujudan malaikat dan konsep akhirat. Kaunseling Agama pula merangkumi penguatan jiwa, penguasaan diri, menyayangi diri, menyayangi orang lain, keyakinan diri, dan kaedah bagi mengurangkan tekanan emosi. Penerapan sifat-sifat yang baik (*Sifat Mahmudah*) dan menjauhi sifat-sifat yang buruk (*Sifat Mazmumah*) akan diterapkan melalui elemen pemulihan akhlak. Terapi Rohani pula akan melibatkan muhasabah dan membina kekuatan dalaman diri pesalah melalui pembacaan al-Quran, amalan zikir, taubat, menghargai diri sendiri dan beristighfar. Kesemua pendekatan keagamaan ini dilaksanakan melalui program Halaqah yang disediakan untuk kesemua penghuni penjara. Modul Halaqah ini mengandungi Pengajian Akidah, Fekah, *Tilawah*, Al-Quran, Tafsir, Hadis, *Sirah*, Akhlak dan Kesejahteraan Insan. Bagi tujuan pelaksanaan, pegawai kadet JAKIM telah ditempatkan di Jabatan Penjara Malaysia (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Peruntukan Undang-Undang bagi melaksanakan Program Pemulihan Keagamaan di Penjara

Pelaksanaan program dan pendidikan keagamaan sebagai pemangkin kepada proses pemulihan pesalah adalah tidak bertentangan dengan Peraturan Penjara 1953 (Pindaan 2000).

Perkara 147 Peraturan-Peraturan Penjara 1953 (Pindaan 2000) menyebut:

Pegawai yang Menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi banduan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut:

1. Pegawai penjara yang berkeelayakan menjadi guru agama;
2. Berkenaan dengan banduan yang beragama Islam, mana-mana orang yang diberikan 'tauliah' di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran agama Islam.
3. Berkenaan dengan banduan yang bukan beragama Islam, seseorang yang dinamakan oleh mana-mana persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya.

Perkara 148 menjelaskan:

Peruntukan hendaklah dibuat bagi mengamalkan agama, bagi lawatan kakitangan agama atau anggota lain persatuan yang berdaftar dengan sahnya dan bagi pengajaran moral dan agama kepada banduan.

Perkara 149 pula menyebut:

- (1) Kakitangan agama daripada Jabatan Kerajaan atau anggota persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya boleh dibenarkan masuk pada masa yang munasabah dan sesuai ke dalam penjara untuk melawat banduan yang berkehendakkan perkhidmatan mereka.
- (2) Pegawai yang menjaga hendaklah mempunyai hak untuk membantah lawatan atau menghentikan perkhidmatan ini pada bila-bila masa demi kepentingan keselamatan penjara.

Bagi pelaksanaan pendidikan agama, Perkara 150 Peraturan-Peraturan Penjara 1953 (Pindaan 2000) memberi kebenaran kepada banduan untuk memiliki buku dan apa-apa artikel agama yang dibenarkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kegunaan banduan tersebut di dalam penjara.

Analisis Isu dan Cabaran serta Cadangan Penambahbaikan bagi Pelaksanaan Pemulihan Pesalah Syarie di Penjara

Kajian pemulihan Pesalah Syarie di Penjara mendapati bahawa:

a- Keperluan Mewujudkan Tatacara Khusus bagi Mengendalikan Pemulihan Pesalah Jenayah Syariah

Pesalah Jenayah Sivil dan Syariah adalah ditempatkan di penjara yang sama dan diberikan program pemulihan yang sama. Pengkategorian yang dibuat adalah berdasarkan kepada tempoh masa

pemenjaraan dan bukannya kesalahan. Walaupun pesalah jenayah syariah diasingkan daripada pesalah sivil yang melakukan jenayah berat, namun mereka tetap ditempatkan bersama-sama pesalah jenayah sivil yang lain.

Pada masa yang sama, pesalah syariah yang melakukan jenayah berbeza juga adalah ditempatkan di tempat yang sama. Kategori kesalahan yang dilakukan oleh pesalah syariah adalah berbeza. Ada sesetengah kesalahan yang dilakukan adalah amat serius seperti menjadi ketua penyebar ajaran sesat. Praktis semasa menempatkan Pesalah Jenayah Syariah yang melakukan kesalahan serius seperti ini bersama pesalah syarie yang lain.

Dari segi pemulihan, keperluan kedua-dua pesalah sivil dan pesalah syariah adalah berbeza. Bahkan keperluan pesalah jenayah syariah yang melakukan kesalahan akidah juga adalah berbeza dengan pesalah akhlak. Percampuran sebegini boleh menjejaskan proses pemulihan dan menyebabkan pesalah-pesalah lain akan terpengaruh dan menjadi lebih teruk. Bagi mengatasi masalah ini, cadangan berikut diutarakan:

1. Mewujudkan Penjara Khas bagi Pesalah Syariah

Cadangan agar pihak kerajaan mewujudkan penjara khas bagi mengasingkan pesalah syariah daripada pesalah jenayah lain bukanlah merupakan sesuatu perkara baru. Ianya telah disuarakan oleh banyak pihak. Walau bagaimanapun ia agak sukar untuk direalisasikan setelah mengambil kira implikasi kewangan kepada pihak kerajaan. Mengambil kira akan kekangan ini, penubuhan ‘blok Syariah’ di Jabatan Penjara Malaysia pula dicadangkan bagi tujuan pengasingan pesalah syariah agar dapat mencapai matlamat dan kehendak pemulihan yang bersesuaian dengan kesalahan jenayah syariah (Siti Zubaidah Ismail 2013). Penubuhan ‘blok Syariah’ di JPM lebih mudah untuk direalisasikan berbanding penubuhan penjara baru. Ini kerana JPM boleh menggunakan segala pengalaman dan prasarana sedia ada bagi melaksanakan program pemulihan ke atas pesalah syariah secara khusus. Dari satu sudut yang lain, penubuhan blok syariah di JPM ini lebih menguntungkan kepada agama Islam kerana tadbir urus yang baik akan dapat meningkatkan imej Islam di mata masyarakat tempatan dan seterusnya dunia Islam (Siti Zubaidah Ismail 2013).

2. Mewujudkan ‘Penjara Syariah’ di Negeri-Negeri

Sekiranya matlamat untuk mewujudkan blok khusus bagi Pesalah Syarie ini juga tidak dapat dilaksanakan, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri boleh mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat-Pusat Koreksional atau Pusat Tahanan bukan berstatus penjara di Negeri-Negeri masing-masing bagi tujuan pemulihan pesalah jenayah syariah. Di sesetengah negeri, peruntukan undang-undang bagi menubuhkan pusat pemulihan ini telah pun ada. Walau bagaimanapun, pada masa kini, hanya sebuah negeri sahaja yang melaksanakan peruntukan bagi menubuhkan rumah pemulihan ini, iaitu Negeri Selangor. Penubuhan Pusat Koreksional yang dicadangkan di negeri-negeri bukanlah berstatus penjara. Ia lebih kepada pendekatan Koreksional bagi menempatkan pesalah-pesalah jenayah syariah yang ditahan untuk tempoh masa tertentu bagi tujuan pemulihan. Perkara ini boleh direalisasikan kerana penubuhan ‘Pusat Koreksional’ yang dicadangkan bukanlah berstatus penjara yang penubuhannya di bawah kuasa Persekutuan.

b- Keperluan kepada Pewujudan Modul Khusus bagi Pesalah Jenayah Syariah

Kajian mendapati bahawa modul PPI yang digunakan selama ini adalah diguna pakai untuk kesemua pesalah tanpa mengambil kira sama ada mereka pesalah sivil ataupun syarie. Modul PPI yang digunakan juga adalah merupakan modul yang bersifat jangka panjang. Majoriti pesalah syariah di penjara adalah dikategorikan sebagai banduan jangka pendek (*short term prisoner*) iaitu banduan yang dipenjarakan untuk satu tempoh yang kurang dari 6 bulan. Justeru, pewujudan modul yang bersesuaian dengan

kesalahan jenayah syariah yang dilakukan adalah amat penting dan bertepatan dengan waktunya dalam menambah baik bentuk pemulihan bagi pesalah jenayah syariah. Kandungan modul ini juga akan mengambil kira keperluan pesalah jenayah syarie yang berbeza.

Kesimpulan

Apabila sesuatu hukuman hendak dijatuhkan, keputusan pertama yang harus dibuat semestinyalah tentang objektif yang hendak dicapai daripada hukuman tersebut. Adakah tujuannya semata-mata hanya untuk mengenakan hukuman yang sesuai kepada pesalah?; Atau adakah ia bertujuan untuk mencegah pesalah atau orang lain daripada melakukan kesalahan tersebut pada masa hadapan?; Ataupun untuk melindungi pihak awam dengan memenjarakan pesalah?; Atau adakah ia pemulihan untuk pesalah?; Atau gabungan kesemua objektif tersebut? Dalam kes-kes jenayah tertentu, serius dan berat, memang tidak dapat dinafikan bahawa penjenayah wajar diasingkan daripada masyarakat dan diberikan hukuman berbentuk keseksaan seperti pemenjaraan sebagai balasan atas perbuatan jahat dan tidak berperikemanusiaan yang telah dilakukan. Hukuman sebegini adalah wajar diberikan kepada mereka memandangkan risiko yang lebih besar sekiranya mereka dibenarkan terus hidup dalam masyarakat.

Namun demikian, harus juga diingat bahawa antara aspek paling penting untuk menghindari perlakuan jenayah dan perlakuan jenayah berulang bukanlah dengan meletakkan beban ke atas peranan hukuman berbentuk keseksaan semata-mata. Keutamaan juga harus diberikan kepada aspek pemulihan pesalah walaupun ketika mereka sedang menjalani hukuman keseksaan. Program pemulihan yang efektif akan berupaya menghalang penjenayah daripada mengulangi perbuatan jenayahnya pada masa-masa akan datang. Pada masa yang sama, penjenayah yang telah dipulihkan akan dapat dikembalikan kepada masyarakat sebagai warganegara yang berguna sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi pesalah syariah yang melakukan kesalahan berkaitan agama dan dengan mengambil kira pelbagai implikasi serta faktor berlakunya jenayah tersebut, pemenjaraan seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah syariah. Ini kerana pesalah jenayah syariah adalah merupakan pesalah agama dan seharusnya dipulihkan dengan menggunakan pendekatan keagamaan. Hukuman penjara sedia ada dan dalam tempoh waktu yang singkat serta ketiadaan modul khusus bagi memulihkan mereka hanya akan memberi impak negatif dan memberi kesan jangka masa panjang kepada kehidupan pesalah. Pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara dalam tempoh yang singkat, bukan sahaja tidak dapat mengikuti program pemulihan Program Pembangunan Insan di penjara, malahan akan menjejaskan kehidupan mereka dan keluarga mereka akibat daripada berkemungkinan kehilangan pekerjaan. Justeru hukuman alternatif yang lebih bersesuaian perlu dilaksanakan. Melalui pelaksanaan hukuman alternatif, selain daripada dapat memulihkan pesalah, fungsi institusi agama dan ahli kariah dalam membantu proses pemulihan pesalah akan dapat dioptimumkan. Kos pemenjaraan dan perbelanjaan negara juga akan dapat dikurangkan.

Rujukan

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Semakan 1972)

Akta Penjara (Pindaan) 2008

Akta Penjara 1995 dan Peraturan-Peraturan (Akta 537)

Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia

Anon. 2012. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri.
<http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]

- Anon. 2023. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <https://www.prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-jabatan/undang-undang-akta> [8 Februari 2023]
- Asmadi Bin Husin. 2011. Kertas Kerja: Perlaksanaan Hukuman Alternatif: Aplikasi Di Mahkamah Sivil. Seminar Pendakwaan Syariah: Hukuman Alternatif Pendakwaan dan keberkesanan 2011 pada 1 November 2011 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam Selangor. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Hashim, Hasnizam, Shah, Hendun Abd. Rahman, Baharuddin, Ahmad Syukran, Sahid, Mualimin Mochammad, & Hussin, Syaryanti. (2021). Program Pemulihan Luar Penjara bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 43(SI), 143-151.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'Chiang & Ramalinggam Rajamanickam. 2018. Program Pemulihan dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat (Isu Khas)*: 73-74.
- Hasnizam Hashim, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat, Hasan, Baidar Mohammed Mohamed, & Jusof, Norma. (2022). Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Satu Penjelasan Dari Sudut Pentafsiran Dan Keperluan Kepada Penilaian Terhadap Peruntukan Perundangan Di Dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri Paper presented at the 6th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2022) Fakulti Syariah dan Undang-Undang Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- K H Mohammah Jodi. 2018. Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih, *Islamiyyat*, 40 (2): 141-149. (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2018-4002-06>)
- Kanun Keseksaan [Akta 574]
- Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]
- Kementerian Dalam Negeri. 2012. Kenyataan Media- Majlis Pelancaran Rumah Perantaraan (Halfway House) Negeri Kelantan. <https://ms-my.facebook.com/notes/kementerian-dalam-negeri-kdn/kenyataan-media-majlis-pelancaran-rumah-perantaraan-halfway-house-negeri-kelanta/470415919645713/> [14 April 2015]
- KPj Jamaludin Saad. Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia. 2015. Pemulihan Pesalah Syarie. Persidangan Meja Bulat kali Kedua. Anjuran Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- Mohd. Alif Jasni. 2021. Memahami Falsafah Hukuman dan Program Pembangunan Insan di Pusat Koreksional Malaysia: Inisiatif Pemulihan dan Impak Koreksional. *Malaysia Correctional Journal*. Vol. 5: 32-50
- Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan. t.t Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- Peraturan Penjara 2000
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Siti Zubaidah Ismail. 2013. Penjara Khas Bagi Pesalah Syariah: Suatu Keperluan?? (2 ShLR) *Shariah Law Reports*, hlm iii.

Ucapan Perasmian Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Jabatan Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia pada 16 Oktober 2014 di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.